

Aznil Nawawi

Dari Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas.


Aznil Haji Nawawi



Aznil dengan trofi

Aznil bin Nawawi

Lahir 6 November 1962 (umur 47)

 Kuala Lumpur, Malaysia

Aznil Nawawi merupakan seorang pengacara, pelakon dan penyampai radio di Malaysia. Aznil dilahirkan pada 1962 dan sudah berkecimpung di dalam bidang pengacaraan lebih dari 16 tahun. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau mempunyai dua orang cahaya mata: Fildza Haifa (Fifi), 17, dan Fariq Haizen (Ricky), 13.

Biografi

Aznil yang lahir dan membesar di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur, ini memegang ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau memulakan kerjaya beliau pada tahun 1990 sebagai seorang wartawan media dengan TV3.

Ketika memulakan kerjaya dalam bidang penyiaran, Aznil terlibat dalam berita. Kemudiannya beliau beralih ke sesuatu yang amat berbeza iaitu mengacara rancangan permainan *Pop Kuiz* pada tahun 1992. Ini diikuti oleh kerja mengacara rancangan majalah hiburan dan gosip *Melodi* pada tahun 1994, dan seterusnya *Teleskop*, rancangan wawancara terulung yang membincangkan isu kontroversi di negara.

Pada tahun 2000, Aznil bertapak di ntv7 sebagai pengacara rancangan lawak *Kamera Apo?*.

Selepas itu, Aznil berpindah ke Astro Ria, dan di situlah beliau menandakan kemasukan beliau sebagai pengacara kreatif saluran ini. Antara projek-projek beliau yang terkenal ialah penglibatannya dalam program realiti *Akademi Fantasia* sejak 2002 sehingga mengumumkan pengunduran diri dari rancangan tersebut pada tahun 2007 setelah lima tahun dan lima musim berturut-turut.

Pada tahun 2004, Aznil mencuba nasib sebagai pengarah filem *Aku No. 1* yang turut menyaksikan lakonan beliau. Pada tahun 1995, beliau sudah terlibat dalam lakonan filem *Sama Tak Serupa*.

Pada tahun 2005, setelah menghabiskan dua musim *AF*, Aznil kemudiannya mencipta rancangan beliau sendiri berjudul *Macam-Macam Aznil* yang memaparkan "macam-macam". Rancangan ini yang dinobatkan sebagai Rancangan Temu Bual Terbaik di Anugerah Televisyen Asia 2005 di Singapura kini disiarkan di Astro Prima.

Pada tahun 2006, Aznil tampil di layar perak sekali lagi, sebagai watak jahat Prof Klon dalam filem *Cicak-Man*. Sempena perayaan Aidilfitri pada tahun itu, beliau menyumbang suara kepada Rodney Copperbottom dalam alih suara bahasa Malaysia bagi filem *Robots*.

Pada tahun 2007, setelah mengumumkan pengunduran diri dari *AF*, Aznil beralih ke pembikinan rancangan kanak-kanak *Tom Tom Bak* untuk *Astro Ceria*.



Aznil dan kanak-kanak di rancangan Tom Tom Bak

Pada tahun 2009, Aznil digandingkan bersama Din Beramboi sebagai pasangan juruhebah terbaru rancangan *Riuh Pagi* di Era, sebagai satu langkah penstrukturan semula stesen radio berkenaan yang berhadapan dengan kemerosotan jumlah pendengar kepada pesaing terdekatnya, Hot FM.



Aznil & Din Beramboi semasa digandingkan menjadi penyampai radio di Era .

Rancangan pengacaraan beliau

Beliau melibatkan diri bersama hampir semua stesen tv tempatan. Antaranya

- Pop Kuiz (rancangan hiburan pertama pengacaraan beliau)
- Anugerah Juara Lagu
- Anugerah Skrin
- Anugerah Planet Muzik
- Anugerah Seri Angkasa
- Akademi Fantasia Musim 1 (Tirai AF & Konsert AF)
- Akademi Fantasia Musim 2 (Tirai AF, Konsert AF, & Imbasan AF)

- Akademi Fantasia Musim 3 (Tirai AF, Konsert AF, Diari AF, & Imbasan AF)
- Akademi Fantasia Musim 4 (Tirai AF, Konsert AF, Diari AF, & Imbasan AF)
- Akademi Fantasia Musim 5 (Tirai AF, Konsert AF, Diari AF, & Debat AF)
- Melodi (selama setahun sebelum menandatangani kontrak secara eksklusif bersama Astro pada Oktober 2004)
- Kamera Apo?
- Macam-macam Aznil
- Tom Tom Bak
- Jangan Lupa Lirik

Daftar filem

1995

- *Serupa Tak Sama* (pelakon utama)

2004

- *Aku No. 1: Aznil* (pelakon utama)

2005

- *Pontianak Harum Sundal Malam 2: Pasangan Kekasih Lelaki* (penampilan cameo)

2006

- *Robots: Rodney Copperbottom* (watak utama, alih suara)
- *Cicak-Man: Profesor Klon* (watak utama)

2007

- *Otai: Pengacara Program Otai* (penampilan cameo)

2008

- *TMNT: Raphael* (watak utama, alih suara)
- *Cicak-Man 2: Profesor Klon* (watak utama)

Diskografi

Aznil (2008)

Album mini Aznil Nawawi telah diterbitkan dan dilancarkan secara rasmi pada **13 Ogos 2008**. Album mini tersebut yang berjudul "Aznil" merangkumi 3 lagu gubahan **Edry Abdul Halim** dan 1 lagu nyanyian semula. 2 daripadanya merupakan lagu runut bunyi dari filem-filem terbitan **KRU Films** (kini **KRU Studio**) iaitu **Duyung** dan **Cicak-Man**.

Senarai runut

1. Teramat Sangat (runut bunyi Duyung)
2. Profesor Klon (runut bunyi Cicak-Man)
3. Jangan Cepat Marah
4. Toyol (nyanyian semula lagu asal 1979 oleh Sudirman Hj Arshad)



Pencapaian

2009

- Pengacara TV Lelaki Popular (Anugerah Bintang Popular 2008)

2008

- Pengacara TV Lelaki Popular (Anugerah Bintang Popular 2007)

2007

- Bual Bicara Terbaik (Anugerah Skrin 2007 Kategori Penerbitan Dalaman) - Macam-Macam Aznil

2006

- Pengacara TV Lelaki Popular (Anugerah Bintang Popular 2006)

2005

- Pengacara TV Popular (Anugerah Bintang Popular 2005)
- Rancangan Bual Bicara Terbaik (Asian Television Award 2005, Singapura) - Macam-Macam Aznil
- Pengacara TV Terbaik (Anugerah Sri Angkasa 2005)

2004

- Rancangan Hiburan TV Terbaik (Anugerah Sri Angkasa 2004) - Macam-Macam Aznil
- Pengacara TV Popular (Anugerah Bintang Popular 2004)
- Anugerah Khas (Media Hiburan 2004)
- Pengacara TV Terbaik (Anugerah Sri Angkasa 2004)

2003

- Pengacara TV Popular (Anugerah Bintang Popular 2003)